

Fakta tangkis dakwaan

Dr Mahathir

DARI MUKA 1

pertukaran (trade off) dan menjadi sebahagian daripada isu berpakej yang ingin diselesaikan bersama Singapura ketika mengadakan beberapa rundingan dari 1998 sehingga 2002.

Ia terbukti dalam kandungan surat Dr Mahathir bertarikh 4 Mac 2002 kepada Lee ketika itu Menteri Kanan Singapura. Isu sama ini dibangkitkan Goh ketika mesyuarat bersama Abdullah pada 1 Mac 2005.

Fakta itu menangkis dakwaan Dr Mahathir bahawa kerajaan sekarang menawarkan penggunaan ruang udara Malaysia oleh jet pejuang RSAF.

Penjualan pasir kepada Singapura dibangkitkan oleh republik itu ketika mesyuarat antara Abdullah dengan Goh pada 1 Mac 2005. Ini menangkis dakwaan kerajaan sekarang membangkitkan isu pasir di meja rundingan.

Pendapat Undang-undang dari Jabatan Peguam Negara menunjukkan bahawa Malaysia tidak boleh meneruskan usaha membina jambatan secara bersendirian (unilateral) tanpa mematuhi tuntutan undang-undang, khususnya Malaysia mempunyai tanggungjawab yang terkandung di bawah Perjanjian Air Johor - Singapura 1961 dan 1962, Perjanjian Wayleave dan Perjanjian Pemisahan 1965.

Rintangan utama yang dihadapi Malaysia dalam soal ini adalah jika pembinaan jambatan bengkok diteruskan, ia membabitkan perobohan Tambak Johor sebelah Malaysia.

Perobohan itu menjejaskan paip yang dibina dalam Tambak Johor serta di kiri dan kanan. Mengikut Perjanjian Air Johor - Singapura 1961 dan 1962, hak milik paip itu diberi kepada Lembaga Kemudahan Awam Singapura (PUB).

Jabatan Peguam Negara memberi pendapat undang-undang bahawa di bawah Perjanjian Air Johor - Singapura 1961 dan 1962: "Malaysia perlu mendapatkan kebenaran dari PUB bagi mengubah kedudukan paip untuk pembinaan jambatan lurus sepenuhnya atau jambatan bengkok."

Di bawah Perjanjian Pemisahan Malaysia - Singapura 1965 pula, Malaysia menjamin obligasinya terkandung dalam Perjanjian Air Johor - Singapura 1961 dan 1962. Paip air yang terletak dalam Tambak Johor tertakluk di bawah Perjanjian Air Johor - Singapura 1961.

Justeru, peruntukan Perjanjian Wayleave yang boleh diguna pakai ke atas paip air di kiri dan kanan Tambak Johor tidak boleh diguna pakai ke atas paip air yang terletak di dalam Tambak Johor.

Oleh itu, dakwaan paip air yang terletak dalam Tambak Johor boleh dialihkan secara bersendirian (unilateral) selepas memberi notis enam bulan kepada Singapura adalah tidak benar.

Dengan mengambil kira fakta itu, kerajaan sekarang membuat keputusan menolak cadangan timbang balas (quid-pro-quo) Singapura memperoleh pasir dan ruang udara.

"Kerajaan perlu membuat keputusan politik untuk menghentikan projek jambatan ini kerana ia selaras dengan sentimen rakyat dan kepentingan negara.

"Kesimpulannya, keseluruhan isu ini berkisar pada satu fakta yang mudah - Malaysia mahukan jambatan berkenaan dan Singapura tidak," kata kenyataan itu.

JPM juga menjelaskan jambatan lurus sepenuhnya dicadangkan Malaysia sepatutnya menjadi simbol persahabatan dan memberi manfaat kedua-dua Negara.

"Bagaimanapun, tanggungjawab untuk mencapai matlamat ini tidak hanya terletak kepada Malaysia semata-mata," kata kenyataan itu.